

10/03/2002

Istirahat sambil belajar di gurun salji

BAGI saya, ekspedisi ke Antartika menemui tiga matlamat terbesar: meraih pengetahuan baru, pengalaman, pemerhatian dan berehat. Sembilan hari melancong melapangkan fikiran dan menikmati hawa bersih dan dingin telah menyegarkan saya.

Ombak besar dan tinggi (lebih 20 kaki), angin amat kencang (berpuluh batu sejam), kapal bergolek (43 darjah) dan kesejukan -10 darjah di bawah suhu beku tidak menghalang saya berasa lebih riang. Saya segar dan ceria di Antartika kerana udaranya nyaman, pemandangan indah gurun salji.

Makan angin terbaik ialah apabila masa cuti itu dinikmati bersama dengan rakan-rakan yang idea tentang waktu serupa.

Bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Antartika adalah satu busman's holiday yakni cuti sambil bertugas. Di Kutub Selatan, dia banyak masa terluang bagi memikirkan masa depan bangsa. Perdana Menteri tidak diganggu oleh mereka yang membawa sampul surat memohon itu dan ini atau mengemukakan petisen. Dia berseloroh disambut ketawa, "Jika anda ada kawan yang anda tidak suka, Antartika adalah satu tempat yang sesuai untuk menghantarnya buat selama-lamanya." Tegas seorang pemimpin tertinggi kerajaan, Dr Mahathir ke Antartika membawa mesej bahawa walaupun beliau berusia 76 tahun, beliau berjaya dan sihat walafiat pergi balik dari pengembaraan yang teruk, meletihkan dan penuh percubaan itu. Ramai separuh umur darinya didapati kurang ketahanan. Masakan, yang terang mahu disuluh lagi?

Ekspedisi pertama Malaysia ke Antartika berjaya. Pengembara termuda ialah Farah Dr Zainal Abdul Hamid yang baru menjangkau tujuh tahun, anak bongsu Dr Zainal. Farah menyertai segala kegiatan - naik zodiac, naik helikopter, mendarat di atas ais dan bermain perang salji dengan kakak dan abangnya dan melawat pulau yang dihuni penguin dan binatang lain. Farah memberitahu saya, dia tidak takut, gerun dan sakit sepanjang pelayaran walaupun ombak 20 kaki menggulung dan menggulingkan 'kapitan Dranitsyn' yang beratnya 10,047 tan itu atau waktu naik zodiac yang dilambung ombak lima enam kaki iaitu masa yang dikatakan selamat.

Wisma Putra, kerana Antartika di bawah portfolionya, telah diwakili sendiri oleh Datuk Seri Hamid Albar, Datuk Ahmad Fuzi (KSU Wisma Putra), Datuk M Santhanaban (Duta Besar di Argentina), Datuk Hasmy Agam (Wakil Tetap di PBB) dan S Thanarajasingam (Setiausaha Rendah Bahagian Amerika dan Antartika). Geng Wisma Putra ini jarang bercerai ketika di atas kapal. Saya dan isteri, Fauzah, amat senang bergaul dengan mereka sebab kami pernah berkhidmat sebagai diplomat. Kasihan Fuzi. Dia hilang beg pakaiannya, maka pada malam pertama dia terpaksa tidur memakai seluar yang dipakainya. Begnya terjumpa sebelum kapal belayar, datang bersama dengan bagasi rombongan Dr Mahathir yang tiba satu hari selepas kami sampai. Fuzi juga kehilangan kad kredit dan wang tunai berjumlah AS\$1,500.

Tetapi seperti seorang diplomat terbaik Fuzi, yang saya kenal lebih satu dekad itu, selamba saja tanpa melihat kekecewaan dan marah yang terpendam. Tegasnya, apa yang termasyukil beliau tidak dapat tidur lena kerana tidak pakai kain pelekat. Hanya malam kedua, Fuzi lebih ceria kerana dia tidur nyenyak memakai pelekatnya. Seperti saya juga dan ramai lagi termasuk mat salih yang saya kenal suka pakai pelekat atau sarung apabila beradu.

Syed Hamid dan pegawainya jelas rapat dan jarang berasingan.

Ramai memerhati interaksi antara Datuk Seri Najib Tun Razak dan saya. Tidak kurang ramai pula jumlahnya agak kecewa kerana didapati kami berakan

secara normal dan civilize. Petang Khamis (7 Februari), saya dapat panggilan telefon dari anak perempuan tunggal saya dari London memberitahu sahabat baik saya, Datuk Abdul Latif Hussein masuk hospital di London kerana diserang asma dan keadaannya agak tenat. Saya terus ke suite Najib (605A&B), satu lantai di bawah kamar saya dan mengetuk pintu untuk memaklumkan bapa saudaranya dalam kecemasan.

Saya ketuk sekali, tiada jawab, dua kali diam juga dan kali ketiga ketukan saya lebih kuat, terdengar jawapan:, "Who's that? (Siapa itu?)" dengan suara yang kedengaran seperti orang mengantuk. Saya jawab: "Dollah" Najib: "Can you give me a minute or two (Tunggu seminit atau dua)."

Dollah: "Boleh."

Jelas Najib terperanjat dalam keadaan yang tidak bersedia menerima tetamu. Saya terangkan maksud kunjung-an sambil mata saya memerhati suitenya. Datin Seri Rosmah Mansor berada di dalam bilik tidur.

Hubungan saya dengan Najib tidak intim seperti pertalian sosial, pergabungan siasah dan perangkaian persahabatan dan ikatan lain dengan bapanya, Tun Razak. Mereka juga mempunyai kelainan sifat, bakat, ketegasan, persepsi, motivasi dan matlamat. Pada pendapat saya, ini wajar. Bukan semua anak like father, like son atau pepatah kita bapa borek, anak rintik. Apapun, Najib dan saya tidak boleh lari dari bersangkutan.

Ahli rombongan yang aktif dan tanpa mabuk laut antaranya ialah Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, kedua-dua anak mereka - Maizura (paling aktif) dan Mazhar, Najib, Rosmah, Hamid Albar dan isterinya Datin Seri Sharifah Aziah, Datuk Seri Law Hieng Deng, Datuk Azhar Mansur, pelayar terkenal itu, AK Tatparanandam, penulis dan pengawal-pengawal keselamatan Perdana Menteri seperti Yusof Ibrahim dan ADCnya, Datuk Mohamed Ali.

Saya kagum dengan Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kerana mereka melibatkan diri dalam semua kegiatan, menghadiri semua syarahan dan ada masa pula bergaul dengan semua ahli rombongan semua peringkat tanpa protokol. Saya ponteng hampir semua syarahan walhal bilik syarahan itu berdekatan dengan kamar saya dan kalau saya tidak tutup pintu, saya boleh dengar dengan jelas syarahan atau pidato. Saya hanya hadir taklimat wajib tentang keselamatan di atas kapal, di laut, di udara dan dalam helikopter; dua helikopter dibekal di atas kapal untuk kegunaan kami, menaiki zodiac, mendarat di atas pulau dan ais, dan perilaku terhadap penguin (tahinya terbusuk yang saya pernah hidu), sungguhpun penguin satu haiwan yang cantik dan mesra dan haiwan lain.

Di atas kapal, kami seolah kembali bersekolah; jelas terlihat ramai ahli rombongan yang ponteng dan tercicir.

Walaupun kami di buntut bumi, selera kami tetap bagus kerana kehadiran Hussain Bavutty, chef dari Hotel Saujana, Subang. Maka makanan kita tersaji setiap waktu bersama makanan Eropah. Walaupun ramai ahli rombongan berpendidikan Barat, saya perhati apabila makan, mereka tetap Malaysian walaupun mereka lebih senang berbahasa Inggeris dari bahasa ibunda mereka. Nasi lemak dan rendang terpopular. Ramai membawa bekal serunding, sambal, cili hidup bahkan ikan masin.

Hussain, seorang periang, sungguhpun dia tiada pengalaman di laut, dia tidak mabuk sehingga sehari sebelum tamat pelayaran. Tegasnya kepada saya, "Makan banyak halia, insya-Allah, tidak mabuk." Hussain telah memberi Fauzah halia tumbuk, dia sering mabuk laut tetapi malangnya seperti suntikan dan pil tidak dapat menolong isteri saya daripada mabuk laut. Pagi Jumaat (14 Februari), saya terjumpa Hussain di dewan makan, tidak ceria seperti biasa. Saya bertanya kenapa. Jawabnya pantas, "Halia gagal menyelamatkan saya daripada mabuk laut tetapi satu hari satu malam saja." Hussain gelak ketawa dan ceria kembali apabila saya tegaskan sekarang baru saya tahu kenapa mutu dan kelazatan makanan telah menurun. Bisiknya kepada

saya, kerana dia pening kepala, mabuk dan kerana bahan telah habis.

Selepas makan malam, kalau tidak menonton wayang atau menghadiri ceramah tentang Antartika dan perkara bersangkutan, ramai terus masuk kabin dan ramai juga ke lounge mendengar Rosmah mendendangkan lagu Barat, Melayu dan Indonesia terutama nyanyian P Ramlee dan Saloma. Dia berduet dengan seorang saintis, Dr Azizan Abu Samah menyanyikan lagu Di Mana Suara Burung Kenari. Azizan yang berasal dari Jitra itu, antara ahli akademik di atas kapal yang suka bergaul. Yang lain ialah Datuk Dr Mohd Nor Salleh, Dr Siti Aishah Alias, Dr Zainol Abidin Abdul Rashid dan Tan Sri Dr Ahmad Zaharuddin. Azizan bukan saja gemar menyanyi, dia juga gemar menghisap cerut seperti Najib. Atas kapal itu, saya baru sedar, Sharifah Aziah bukan saja pandai menyanyi tetapi beliau juga pelukis water colour yang berbakat. Lukisan Syed Hamid tiga hari tidak bercukur di atas dek kelihatan hidup.

Pengembara pertama sampai ke Antartika ialah Roald Amundsen, seorang rakyat Norway pada bulan Disember 1911 telah menyifatkan Antartika adalah satu fairytale, seolah kisah pari-pari tetapi Antartika bukan dongeng. Saya tidak boleh tidak bersetuju dengannya walaupun saya melawat Antartika 91 tahun kemudian.

Antartika adalah segelintir kawasan bumi liar yang masih belum diterokai. Kawasan liar Antartika (Arctic Wilderness) di mana adakala lapisan ais tebalnya 13,116 kaki harus diselamatkan dan sebab itulah Dr Mahathir mahu Antartika dipunyai oleh Bangsa Manusia bukan mana-mana negara.

Antartika kaya dengan sumber marine stocks termasuk ikan, anjing laut dan paus. Saintis terus mengkaji penggunaan sumber dari solar dan angin. Kerana bumi Antartika kaya, kini mencari dan menggali mineral diharamkan selama 50 tahun mulai tahun 1998.

Walaupun hanya sembilan hari saya di gurun salji, saya dapati kecantikan ais dan kedamaian telah mendekatkan saya dengannya. Keadaan liar yang menakutkan seolah ada permusuhan itu lenyap.
dkl@nstp.com.my

(END)